

TABUNG BAGI SKIM SEMINAR STAF AKADEMIK UUM

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 13 Disember 2011 14:57

Kepada: UUM - All Staff



Jabatan Pendaftar

UNIVERSITY OFFICE

Universiti Utara Malaysia

13 DISEMBER 2011
17 MUHARAM 1433H

TABUNG BAGI SKIM SEMINAR STAF AKADEMIK UUM

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-75, pada 1 November 2011 telah meluluskan pengwujudan Tabung Bagi Skim Seminar Staf Akademik UUM dalam tiga(3) Skim Pembiayaan Seminar seperti berikut:

Skim A

Tahap Seminar	- Bertaraf antarabangsa dan berimpak tinggi
	- Jemputan sebagai Institusi Panel
	- Penyertaan sebagai 'Key Note Address'
	- Penyertaan dari ahli sarjana bertaraf dunia
Pembiayaan	- 100%
Kelulusan	- Jawatankuasa Pengurusan Universiti. Permohonan hendaklah 2 bulan dari tarikh seminar.
Output	- Kertas seminar diterbitkan di dalam penerbitan/Jurnal di peringkat antarabangsa.
Jumlah Nilai Peruntukan	- 5% dari peruntukan seminar Universiti.

Skim B

Tahap Seminar	- Bertaraf kebangsaan/antarabangsa
	- Penyertaan sebagai pembentang
Pembiayaan	- RM8,000 seorang. Dibayar sebagai pendahuluan (75%), Baki (25%) dibiayai selepas penerbitan diterima.
Kelulusan	- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh seminar.
Output	- Kertas seminar diterbitkan di dalam penerbitan/Jurnal di peringkat antara-bangsa.
Jumlah Nilai Peruntukan	- 100% staf hadir dalam negeri - 1320 x RM2,000 = RM 2,640,000 50% staf hadir luar negeri - $\frac{1320}{2} \times RM6,000 = RM 3,960,000$ RM 6,600,000

Skim C

Tahap Seminar	- Seminar di peringkat kebangsaan/ antarabangsa
Pembiayaan	- Pembiayaan diberi berdasarkan peraturan seperti berikut : Pensyarah Biasa 70% Pensyarah Kanan 30% Prof. Madya 20% Profesor 10%
Kelulusan	- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)